



SIARAN MEDIA

REBAT GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK TERTAKLUK KEPADA STANDARD PRESTASI PERKHIDMATAN (GSL)

Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) masih menjalankan siasatan berhubung kejadian gangguan bekalan elektrik yang melibatkan beberapa kawasan di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia pada Rabu, 27 Julai 2022 yang lalu. Siasatan ini dijangka selesai dalam tempoh masa satu bulan daripada tarikh kejadian gangguan bekalan.

Selain memastikan punca dan kesan gangguan, siasatan tersebut turut meneliti dan menentukan sama ada kejadian tersebut mematuhi Standard Prestasi Perkhidmatan (Guaranteed Service Level – GSL) TNB atau sebaliknya, dan seterusnya akan menjadi asas penentuan sama ada pelanggan yang terlibat layak diberikan rebat atau pun tidak.

GSL merupakan dokumen Standard Prestasi Perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga dalam memastikan kualiti bekalan elektrik dan perkhidmatan yang diberikan oleh TNB dalam keadaan yang terbaik. Sekiranya pihak TNB gagal mematuhi, penalti akan dikenakan dalam bentuk rebat kepada pengguna-pengguna yang terlibat.

Dalam kejadian Rabu minggu lalu, sekitar sejuta pengguna di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia dilaporkan terjejas berikutan gangguan bekalan elektrik yang tercetus mulai jam 12:39 tengah hari. Bagaimanapun, bekalan elektrik dapat dipulihkan secara berperingkat seawal 20 minit hingga 2 jam 21 minit, iaitu tidak melebihi GSL terkini yang telah diluluskan pada 22 September 2020.

Walau bagaimanapun, keputusan muktamad kelayakan pelanggan untuk mendapatkan rebat adalah tertakluk kepada hasil siasatan yang sedang dijalankan.

GSL diwujudkan bagi menjaga kepentingan pengguna dan meningkatkan prestasi perkhidmatan TNB. Standard Prestasi Perkhidmatan bekalan elektrik ini boleh didapati di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga.

YB DATUK SERI TAKIYUDDIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

31 JULAI 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli | Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia

